

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 AUGUST 2016

# Mengapa Pribumi tiru UMNO, tak yakinkah?

Oleh ZULKIFLI JALIL  
pengarang@utusan.com.my

um - 11/8/2016

ANALISIS



**PELIK** bin ajaib.

Mengapa pula Parti Pribumi Bersatu Malaysia menampal istilah 'bersatu' yang mirip dengan UMNO (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu)?

Adakah Pribumi yang diketuai Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak yakin atau 50-50 dengan parti baharu itu sehingga terpaksa meniru UMNO?

Apa pun nama parti ini, ia diyakini tidak akan berjaya meraih sokongan atau simpati orang Melayu dengan mudah.

Ini kerana faktor yang mencerminkan perjuangan UMNO itu tidak dibuat. Bagi orang Melayu, Pribumi tiada rekod perjuangan. Maka lebih eloklah menyokong UMNO tonggak Barisan Nasional (BN) yang menang 13 kali pilihan raya umum.

Lagipun, tidak nampak bagaimana manifesto Pribumi boleh menarik perhatian oleh kerana tanggapan mengenai ekonomi, hak-hak istimewa orang Melayu dan demokrasi tidak dapat dicerminkan. Ini tentu sekali berbeza dengan UMNO yang terampil perjuangannya.

Hanya semata-mata Pribumi cuba menurunkan Datuk Seri Najib Tun Razak dari jawatan Perdana Menteri, ia sekadar hanya untuk bergabung dengan PKR. Itupun masih tidak dapat menonjolkan imej sendirian.

Dengan Pribumi tiada lang-

sung penonjolan hal-hal asas bersangkutan orang Melayu atau demokrasi yang dikatakan tidak terurus, parti itu akan tenggelam timbul - bernafas cuma sekejap.

Malah, peranan Dr. Mahathir pun tidak jelas. Setakat menceburkan diri tidak membawa sebarang makna.

Sebagai parti alternatif, Pribumi akan gagal.

Hakikatnya bukan senang untuk Pribumi meyakinkan orang Melayu. Sebaliknya lebih mudah bagi UMNO memperbaiki keadaan, sekali gus meneguhkan parti.

Perpecahan Melayu yang kini terbahagi lima - UMNO, Pas, PKR, PAN dan Pribumi - tidak akan menjamin suara dan kuasa majoriti orang Melayu menjadi teras kekuatan pentadbiran di masa depan. Apabila berpecah, akan ada pihak menanggung di air keruh.

Kerana itu UMNO yang dianggotai 3.52 juta ahli mesti ambil iktibar kewujudan Pribumi untuk memperbaiki perkhidmatan dan rekod. Turun padanglah bela orang Melayu mengikut catatan manifesto.

Elak salahguna kuasa dan korupsi.

Perhebatkan semula gagasan 1Malaysia. Insya-Allah UMNO akan lebih kuat berbanding sebelumnya.